

P.U. (A) 189/2001

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (LEVI KE ATAS TRANSAKSI SEKURITI)  
(PINDAAN) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) (Pindaan) 2001.**  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2001.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1995 [P.U. (A) 281/95] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan perkataan "hendaklah 0.02 peratus daripada harga belian pembelian atau penjualan itu" dengan perkataan "hendaklah 0.015 peratus daripada harga belian pembelian atau penjualan itu, dengan syarat, berkenaan dengan pembelian atau penjualan sekuriti yang berjumlah melebihi RM500,000 jumlah levi yang diperolehi daripada fi penjelasan hendaklah dihadkan kepada wang sejumlah RM37.50 bagi setiap kontrak".

Dibuat 27 Jun 2001.

[PP(S) 0.361 Jld. III/(24); PN(PU<sup>2</sup>)523/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY  
Timbalan Menteri Kewangan